

15.1.2019

KENYATAAN MEDIA
oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

PURATA TARIF AIR DOMESTIK PULAU PINANG 116% DI BAWAH PURATA KEBANGSAAN

- **Purata tarif domestik untuk 35,000 liter pertama penggunaan domestik Pulau Pinang RM0.32 setiap 1,000 liter, atau 116% di bawah purata kebangsaan iaitu RM0.69 setiap 1,000 liter.**
- **Subsidi air domestik RM163.2 juta pada tahun 2017 dan 2018 adalah tidak mampan.**

PULAU PINANG, Selasa, 15.1.2019: Purata tarif air domestik Pulau Pinang sebanyak RM0.32 bagi setiap 1,000 liter (untuk 35,000 liter sebulan pertama) perlu disemak semula kerana ianya 116% di bawah purata kebangsaan sebanyak RM0.69.

Di luar Pulau Pinang, purata tarif bagi kategori penggunaan domestik ini adalah daripada RM0.52 setiap 1,000 liter di Terengganu hingga RM1.31 bagi setiap 1,000 liter di Johor.

Ini bermakna orang Johor membayar lebih 310% daripada orang Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama penggunaan air domestik sebulan.

Sila rujuk "Appendix A: Comparison of Average Domestic Tariff in Malaysian States in 2017" berdasarkan data yang diterbitkan di dalam Malaysia Water Industry Guide 2018.

Purata domestik Pulau Pinang sebanyak RM0.32 bagi setiap 1,000 liter adalah yang paling rendah di Malaysia kerana subsidi yang tinggi.

Pada 2017, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengekalkan subsidi air domestik berjumlah RM79.6 juta.

Untuk 2018, jumlah subsidi dianggarkan RM83.6 juta.

Subsidi RM163.2 juta sepanjang 2 Tahun adalah TIDAK Mampan

Subsidi air RM163.2 juta dalam tempoh 2 tahun TIDAK mampan kerana PBAPP memerlukan dana yang mencukupi untuk melaksanakan projek kejuruteraan bekalan air berikut, dalam tempoh 2019 - 2021:

1. Saluran paip Berkembar Dasar Laut 1200mm Butterworth-Pulau Pinang (Saluran Paip Dasar Laut ketiga);
2. Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS);
3. Menaik taraf semua Loji Rawatan Air, Kolam air dan Rumah pam sedia ada;
4. Pemasangan Saluran Paip Baru/Penggantian Saluran Paip; dan
5. Pengurusan Air Tanpa Hasil (NRW).

Semua projek ini bertujuan memastikan kelestarian dan jaminan bekalan air di Pulau Pinang, serta “tiada catuan air” menjelang 2050.

Di Pulau Pinang, PBAPP tidak merancang untuk melaksanakan catuan air. Kami merancang untuk mengelakkan catuan air untuk manfaat 1.76 juta orang dan semua perniagaan yang beroperasi di Pulau Pinang.

Pengurangan, bukan Penghapusan, Subsidi Air Domestik

PBAPP telah mengemukakan cadangan semakan tarif air kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Ia bertujuan untuk mengurangkan subsidi air domestik dan meningkatkan pendapatan daripada penggunaan perniagaan untuk membiayai projek kejuruteraan bekalan air yang dirancang.

Sila ambil maklum bahawa dalam cadangan itu, PBAPP akan terus memberi subsidi kepada penggunaan air domestik di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, jumlah subsidi akan berkurangan.


Terima kasih.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

(RM PER 1,000 LITRES, 1ST 35,000 LITRES PER MONTH)



Source: Malaysia Water Industry Guide 2018